

25/03/2003

Dunia perlu kuasa pengimbang sekat keangkuhan Washington

Ahmad Tamby Kadir

MELIHAT keangkuhan Amerika Syarikat yang mengetepikan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) serta kegagalan dunia menghalang kekejaman Washington dan sekutunya terhadap Iraq, jelas dunia berada di ambang kemusnahan.

Teka-teki kini, negara manakah akan diserang selepas Iraq? Adakah Korea Utara, Iran, Syria atau Libya?

Apakah dunia hanya bergantung kepada diplomasi dan politik semata-mata bagi menghalang niat jahat George W Bush yang lagak koboi penyangak, sedangkan terbukti pendekatan itu gagal menghalang serangan ke atas Iraq.

Kegagalan dunia menghalang serangan terhadap Iraq membuktikan satu pendekatan baru diperlukan jika dunia tidak mahu menyaksikan kemusnahan serta pembunuhan seperti di Iraq kini berlaku kepada negara lain.

Dalam mengenal pasti pendekatan baru itu, saya bersetuju dengan pandangan yang berulang kali dikemukakan Perdana Menteri bahawa kuasa dunia perlu diimbangi.

Kebimbangan itu disuarakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika lawatan rasmi ke Russia dan Jepun sebelum ini.

Kini, apa yang dinyatakan Dr Mahathir menjadi kenyataan.

Keberanian Bush menyerang Iraq tanpa kebenaran PBB serta mencabuli Piagam PBB dan undang-undang antarabangsa, selain tidak menghiraukan demonstrasi antiperang di seluruh dunia, adalah detik hitam dalam sejarah ketamadunan manusia moden.

Dunia kini di ambang yang mana keamanan hanya boleh diwujudkan dengan kuasa ketenteraan.

Ini seperti dinyatakan Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi peradaban dunia sudah berubah dan diperintah berdasarkan prinsip serta nilai murni sejagat tetapi dengan pendekatan 'Might is Right', Amerika yang memiliki kuasa dalam kepemimpinan Bush, mengikut hawa nafsu tanpa mempedulikan sebarang prinsip murni yang pernah diuar-uarkan mereka sendiri.

Seperti yang sering dikatakan Dr Mahathir, semua itu bohong. Hasrat mereka untuk menguasai dunia.

Dengan melihat kepada kegagalan dunia kini, saya meminta kerajaan Malaysia dan dunia agar mengambil inisiatif serta memainkan fungsi membentuk satu kuasa baru dunia bagi mengimbangi kuasa Amerika.

Kita perlu kembali kepada era seperti ketika wujudnya Soviet Union sebagai kuasa pengimbang.

Saya berpandangan Perancis, Jerman, Belgium, Russia dan China berpotensi menjadi pengimbang.

Berdasarkan persekitaran dan sentimen semasa, ini masa terbaik bagi pembentukan satu kuasa baru bagi mengimbangi kuasa Amerika.

Saya yakin kuasa pengimbang dapat mengawal hawa nafsu syaitan Bush yang jelas memperlihatkan kejahatan, keganasan dan kezaliman melampau-lampau hanya kerana mahu menunjukkan perasaan egonya semata-mata.

Bagi merealisasikan hasrat itu, Dr Mahathir sebagai tokoh dunia yang disegani dunia boleh memulakan gerakan itu.

Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) yang dipengerusikan Malaysia boleh digunakan sebagai landasan untuk tujuan itu.

Masa depan dunia dan keamanan sejagat kini bergantung kepada kesatuan negara lain yang mahukan keseimbangan.

Tanpa keseimbangan ini dan Amerika terus dibenarkan menjadi polis, hakim dan juri orde dunia, tiada siapa yang akan selamat.

AHMAD TAMBY KADIR,  
Melaka.